

Impak Niat Terhadap Pekerja di Institusi Islam dari Perspektif Tasawur Islam

The Impact of Intention amongst Workers of Islamic Institutions from the Perspective of Islamic Worldview

Mohamad Zulfakhairi Mokhtar¹, Mohd Syahmir Alias², Musmuliadi Kamaruding³, Abang Mohd. Razif Abang Muis⁴

¹Fakulti Pengajian Pengurusan, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), Kuantan, Pahang.

²Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

³Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, DRB-HICOM University of Automotive Malaysia, Pekan, Pahang.

⁴Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

Progres Artikel

Diterima: 23 April 2018

Disemak: 2 Mei 2018

Diterbit: 1 Jun 2018

*Corresponding Author:

Mohamad Zulfakhairi Mokhtar,
Fakulti Pengajian Pengurusan,
Kolej Universiti Islam Pahang
Sultan Ahmad Shah
(KUIPSAS), Kuantan, Pahang.
Email: zulfakhairi@yahoo.com

Abstrak: Isu-isu pecah amanah dan rasuah dalam kalangan ahli institusi Islam menunjukkan terdapatnya kelemahan dalam memahami tanggungjawabnya sebagai pekerja. Hal ini disebabkan oleh penekanan niat dalam bekerja yang tidak diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pengurus institusi. Oleh yang demikian, kertas kerja ini mengandungi dua objektif. Pertama, mengenal pasti konsep niat bekerja dari perspektif tasawur Islam. Kedua, menganalisis impak niat terhadap pekerja institusi Islam secara teoretis. Kertas kerja ini menggunakan kaedah kajian dokumen dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Kertas kerja ini mendapati bahawa konsep niat dalam bekerja berteraskan Islam berpaksikan kepada acuan Islam iaitu akidah tauhid dan prinsip ihsan dan ikhlas dengan meletakkan setiap perbuatan hanya kerana Allah SWT. Impak niat yang benar dalam Islam dapat memastikan bahawa matlamat bekerja dalam Islam hanyalah untuk mendapat keredaan Allah SWT. Kesimpulannya, niat yang sebenar dalam Islam perlu dihayati oleh setiap pekerja untuk membuang sifat-sifat mazmumah yang menjadi asas kepada salah laku pekerja.

Kata kunci: Niat; Pekerja; Institusi Islam; Tasawur

Abstract: Issues on breach of trust and bribery amongst members of Islamic institutions show that there are weaknesses in understanding their responsibilities as workers. This happened due to the lack of due diligence on the part of institutional managers in giving emphasis on intention (niyyat) in work. This paper has two objectives. The first objective is to identify the concept of intentions of doing work from the perspective of Islamic world-view (Islamic tasawur), and secondly, this paper aims to analyse theoretically the impact of intention on workers in Islamic institutions. This paper adopted the method of study on documents and the data were analysed using the content analysis method. It was found that the concept of intention in work, based on Islamic axis that were belief in oneness of God (tauheed) and on the principle of excellence (ihsan) and sincerity (ikhlas), were through submission of deeds only unto Allah SWT. The impact of true intention in Islam can ensure that the aim of doing work is to gain Allah's pleasure. In conclusion, true intention in Islam needs to be embraced by every worker to discard bad (mazmumah) habits or characters, which are the root causes of wrong doings or wrongful behaviours amongst workers.

Keywords: Intention; Worker; Islamic Institution; Islamic Worldview

Pengenalan

Pekerja yang melakukan rasuah, tidak berdisiplin, ponteng kerja, melakukan penipuan, merosakkan reputasi penjawat awam, terlibat dengan salah laku dan pecah amanah menggambarkan aspek kerohanian dan sahsiah pekerja yang semakin menurun (Muhammad Nubli, 2008:24). Malahan, terdapat pekerja Muslim yang tidak memahami status dan peranan sebenar kewujudannya di dunia ini iaitu sebagai hamba dan khalifah Allah SWT (Nik Azis, 2007:31).

Kesannya, pekerja-pekerja tidak memiliki nilai sahsiah yang layak untuk sesebuah masyarakat atau institusi itu sendiri (Syed Muhammad Naquib, 1978:14). Dalam usaha untuk mencegah dan menyelesaikan setiap isu tersebut, yang penting bukan sahaja dapat mendakwa atau mendedahkan orang-orang yang terlibat dengan setiap salah laku tersebut, tetapi tindakan yang optimis dan positif perlu diambil untuk membasmi dan sekurang-kurangnya mengurangkan jumlah salah laku tersebut (Ramanathan, 2002:386). Hal ini sebenarnya berkait secara langsung dengan aspek membetulkan matlamat dan hala tuju atau niat pekerja itu sendiri. Niat dalam Islam menentukan apa yang akan diterima seseorang kerana melakukan sesuatu perkara berdasarkan hadith yang bermaksud:

“Bahawa sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan bahawa sesungguhnya bagi setiap orang adalah apa yang dia niatkan. Barang siapa yang hijrahnya menuju kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya. Barang siapa yang hijrahnya kerana dunia yang dia mahu mencari habuan daripadanya, atau kerana perempuan yang mahu dikahwininya, maka hijrahnya ke arah perkara yang ditujuinya itu.”
(Riwayat al-Bukhari, no. Hadith: 1)

Hadith ini menurut al-Khauyi dalam Ibnu Hajar al-Asqalani (2002:18) menunjukkan Rasulullah SAW seakan-akan menjelaskan bahawa niat itu luas dan pelbagai seperti perbuatan. Contohnya seseorang yang melakukan sesuatu perbuatan dengan motivasi ingin mendapatkan keredaan Allah atau menjauhkan diri daripada seksa Allah SWT.

Oleh yang demikian, untuk memahami impak niat terhadap pekerja institusi Islam dari perspektif Islam, kertas kerja ini akan mencapai dua objektif. Pertama, mengenal pasti konsep niat bekerja dari perspektif tasawur Islam, dan yang kedua, menganalisis impak niat terhadap pekerja institusi Islam secara teoretis.

Metodologi

Kertas kerja ini menggunakan kaedah kajian dokumen dan dianalisis menggunakan kaedah analisis

kandungan kualitatif. Kaedah kajian dokumen dilakukan melalui penelitian terhadap kajian-kajian dan karya yang berkaitan niat untuk membentuk konsep niat dalam bekerja. Seterusnya, kaedah analisis kandungan kualitatif digunakan untuk menganalisis data. Kaedah ini merupakan suatu teknik penyelidikan membuat kesimpulan secara sistematik dan objektif dengan mengenal pasti ciri-ciri spesifik mesej tertentu (Rohana, 2003:34).

Konsep Niat Bekerja dari Perspektif Islam

Menurut Abdullah (1988:41) niat menurut bahasa Arab ialah *al-qasdu wa al-iradah* yang membawa maksud tujuan dan kehendak hati. Maksud niat ini sama seperti yang dinyatakan oleh Syed Ahmad Semait (1994:12) yang juga menyatakan niat menurut bahasa ialah kehendak (*iradah*) dan tujuan (*qasad*). Muhammad Ramadhan (2014:12) pula menyatakan niat dari sudut bahasa merujuk kepada maksud dan tujuan iaitu maksud daripada sesuatu perbuatan.

Berdasarkan ketiga-tiga maksud niat tersebut dapatlah dirumuskan bahawa niat dari segi bahasa bermaksud keinginan melakukan sesuatu untuk mencapai suatu tujuan tertentu.

Manakala, daripada aspek syarak pula, menurut Umar Sulaiman (2006:12) niat membawa dua maksud. Pertama, niat ialah keinginan untuk melakukan sesuatu yang diiringi perbuatan. Secara umum, maksud niat tersebut adalah sama dengan maksud niat daripada aspek bahasa. Namun, syarak telah mengkhususkan niat sebagai keinginan yang disertai perbuatan. Kedua, niat mencakupi keinginan untuk melakukan sesuatu perbuatan baik bertujuan untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Oleh itu, niat daripada aspek syarak bermaksud keinginan untuk melakukan sesuatu yang diikuti dengan perbuatan untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Abdullah Qari Salleh (1988:44) juga menjelaskan niat menurut syarak dalam maksud yang sama iaitu tujuan (*qasad*) yang menggerakkan manusia kepada pekerjaan yang hendak dilakukan dengan kemahuan kerana mencari keredaan Allah SWT.

Oleh itu, niat dalam konteks kerja, selain daripada bertujuan untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan, elemen penyerahan kepada Allah SWT juga penting. Hal ini bagi memastikan kerja-kerja yang dilakukan tidak sahaja menjadi kerja tetapi juga dianggap sebagai ibadah. Bagi memastikan pekerjaan dilakukan menjadi ibadah, niat setiap pekerjaan yang dilakukan hendaklah betul. Menurut Muhammad Ramadhan (2014:15) niat berfungsi untuk membezakan antara satu ibadah dengan ibadah yang lain atau antara ibadah dengan amalan kebiasaan. Menurut Yusof al-Qardhawi (2015:37) niat memiliki konsekuensi ganjaran dan hukuman sama ada baik atau buruk, wajib atau sunat, haram, makruh ataupun harus. Oleh itu, kadang-kadang niat itu baik dan

kadang-kadang buruk bergantung kepada apa yang menggerakkan niat tersebut sama ada bermotifkan dunia atau akhirat iaitu mencari reda Allah atau kerana manusia.

Oleh itu, setiap Muslim perlu menetapkan tujuan atau matlamat setiap kerja yang dilakukan untuk mendapatkan keredaan Allah SWT kerana hanya setiap perbuatan yang diniatkan kerana Allah SWT sahaja yang akan diterima dan diberikan ganjaran oleh Allah SWT. Bagi memastikan niat dalam bekerja tidak terkeluar daripada mendapat keredaan Allah SWT, maka acuan yang membentuk niat tersebut perlulah berteraskan tauhid.

Tauhid sebagai Acuan Niat dalam Bekerja Muslim

Menurut Ali Abdul Halim (2011:25) tauhid ialah hakikat Islam dan prinsip yang terbina di atasnya ialah kepatuhan yang mutlak hanya kerana Allah SWT berdasarkan Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami turunkan Kitab ini kepada mu dengan membawa kebenaran; maka sembahlah Allah dengan mengikhhlaskan ibadat kepada-Nya.” (az-Zumar, 39:2)

Ayat ini menurut Tafsir Ibnu Kathir (2004) menyuruh supaya manusia beribadat kepada Allah SWT yang tiada sekutu bagi-Nya. Juga serulah manusia supaya beribadat kepada Allah dan beritahulah kepada mereka bahawa ibadah yang dilakukan tidak diterima kecuali dipersembahkan hanya kerana Allah SWT.

Ayat tersebut secara tidak langsung berkaitan dengan konsep ihsan.

i. Ihsan

Menurut H. Malidin (1970: 9) tauhid mempunyai hubungan yang sangat dekat dengan ihsan kerana, tanpa ihsan tidak sempurnalah iman. Hal ini kerana, ibadah yang dilakukan perlulah ditujukan hanya kepada Allah SWT barulah tingkah laku itu diterima sebagai ibadah. Ihsan ialah mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan menjadi hamba-Nya yang setia dan berbakti, menerima dan melaksanakan segala perintah dengan ikhlas sesuai dengan ajaran Allah SWT yang disampaikan oleh para nabi dan rasul. Bagaimana berbuat ihsan pula ialah merasakan diri sentiasa berada dalam pemerhatian Allah SWT seperti yang dijelaskan dalam hadith:

“Ihsan ialah engkau beribadah kepada Allah seakan akan engkau melihat-Nya, jika engkau tidak melihatnya maka Dia melihat engkau.” (Hadith Riwayat Muslim, No. Hadith: 9&10)

Oleh itu, orang yang ihsan akan sentiasa mengingati Allah SWT yang secara tidak langsung menambahkan keimanan kepada Allah SWT. Ihsan pula akan mewujudkan ikhlas. Ikhlas adalah sangat penting dalam setiap tingkah laku Muslim kerana menurut Mohd Akhir (1987:1) ikhlas menentukan sama ada sesuatu amalan itu diterima atau ditolak oleh Allah SWT berdasarkan Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Katakanlah: sesungguhnya aku diperintahkan untuk menyembah Allah dengan ikhlas kepadanya dalam beragama.” (az-Zumar, 39:11)

“Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan ikhlas kepada-Nya.” (al-Baiyinah, 98:5)

ii. Ikhlas

Menurut Yusof al-Qardhawi (2004:47) niat mestilah ikhlas kerana Allah SWT iaitu bebas daripada pengaruh nafsu dan keduniaan dalam melakukan ibadah. Hal ini penting kerana menurut Abdullah (1988:101) ikhlas merupakan asas utama dalam segala amalan yang diperintahkan Allah SWT untuk dilakukan oleh manusia kerana ikhlaslah yang menentukan nilai manusia (makhluk) di sisi Allah SWT. Bagi memastikan niat yang ikhlas, Ali Abdul Halim (2011:24) menyatakan bahawa seseorang perlu melepaskan atau membersihkan daripada setiap perkara selain daripada Allah SWT.

Menurut Haron Din (2007:39) ikhlas merupakan elemen penting dalam tingkah laku Muslim iaitu dengan mengembalikan segala tingkah laku kepada Allah SWT bukan selain daripada-Nya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Agama yang benar.” (al-Bayyinah, 98:5)

Berdasarkan Tafsir Ibnu Kathir (2004), ayat ini memerintahkan supaya ikhlas dalam beribadah dan ikhlas itu seperti melepaskan syirik dan menuju tauhid.

Oleh itu, bagi membentuk akidah yang sempurna, ihsan diperlukan. Apabila ihsan wujud, maka sesuatu tingkah laku yang dilakukan adalah ikhlas kerana Allah SWT. Ikhlas merujuk kepada menghadapkan kepada Allah segala perbuatan hati dan amal perbuatan zahir (Umar Sulaiman, 2001: 20). Hubungan antara ketiga-kita elemen ini iaitu akidah, ihsan dan ikhlas membentuk diri Muslim yang sebenar. Oleh itu, Islam merupakan suatu cara hidup yang lengkap (*al-Din*) yang mencakupi semua

aspek kehidupan (Nik Mustapha, 1992:3). Begitu juga Haron Din (2007:4) yang menyatakan Islam adalah satu sistem hidup iaitu *nizam al-hayat* manusia. Sebagai satu cara hidup sudah tentulah setiap perkara yang dilakukan manusia dipengaruhi oleh akidah yang menjadi pegangan dan panduan hidup seorang Muslim. Dalam konteks tersebut setiap Muslim akan melakukan setiap perkara berdasarkan kepada nilai-nilai Islam dan berasaskan kepada kepercayaan dan keyakinan kepada Allah SWT.

Impak Niat Terhadap Pekerja di Institusi Islam

Hubungan antara kedua-dua elemen dalam tauhid iaitu ihsan dan ikhlas membentuk diri pekerja Muslim yang sebenar. Kesannya kepada tingkah laku pekerja ialah seperti berikut:

Sekiranya ihsan menjadi dorongan niat dalam bekerja dan menginsafi bahawa Allah SWT sentiasa bersama-sama dengan manusia, maka proses pelaksanaan pekerjaan akan sentiasa dalam pedoman Allah SWT. Seseorang insan merasa takut melakukan penipuan kerana sekiranya perbuatan itu tidak diketahui oleh orang lain, seseorang insan percaya bahawa Allah SWT Maha Mengetahui perbuatan tersebut. Sekiranya seseorang insan ingin melakukan jenayah rasuah dan salah guna kuasa walaupun tidak diketahui orang lain, namun sekiranya seseorang insan itu insaf bahawa Allah SWT Maha Mengetahui perbuatan seseorang insan dan balasan-Nya juga amat pedih, diri manusia akan sentiasa berwaspada tentang amalan yang tidak baik tersebut (Sidek Baba, 2012; Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz, Ahmad Irdha Mokhtar & Zulkefli Aini, 2015). Malah, jika seseorang insan ingin berlaku zalim kepada orang lain kerana sebab-sebab tertentu, kezaliman yang sama akan dibalas oleh Allah SWT dan ia mengingatkan insan tentang pembalasan pada hari akhirat kelak. Hal ini merupakan asas ihsan yang sangat penting dan perlu ada pada diri setiap insan dan pekerja supaya setiap pekerjaan yang dilakukan olehnya sentiasa dalam lingkungan ibadah (Sidek Baba, 2012).

Ihsan seterusnya mewujudkan ikhlas dengan sandarannya bahawa Allah SWT Maha Mengetahui setiap perkara yang seseorang pekerja lakukan dan hasil kerja tersebut memberikan manfaat dan kebaikan kepada orang lain dan institusi (Sidek Baba, 2012)

Apabila pekerja Muslim meletakkan niatnya berasaskan pegangan akidah, maka setiap tingkah lakunya akan mematuhi syariat yang ditetapkan. Menurut Ali Abdul Halim Mahmud (2011:25) ibadah kepada Allah SWT itu tidak sah melainkan selari dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT iaitu bebas daripada syirik. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Ingatlah! (Hak yang wajib dipersembahkan kepada Allah ialah segala ibadat dan bawaan yang suci bersih (dari segala rupa syirik). Dan orang-orang musyrik yang mengambil selain daripada Allah untuk menjadi pelindung dan penolong (sambil berkata): kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingi kami kepada Allah sedamping-dampingnya. Sesungguhnya Allah akan menghukum di antara mereka (dengan orang-orang yang tidak melakukan syirik) tentang apa yang mereka berselisihan adanya. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada orang yang tetap berdusta (mengatakan yang bukan-bukan), lagi sentiasa kufur (dengan melakukan syirik).” (az-Zumar, 39:3)

Merujuk kepada Tafsir Ibnu Kathir (2004), tidak ada satu pun amal yang diterima kecuali amal yang dilakukan oleh pelakunya secara ikhlas kerana Allah SWT dan tidak ada sekutu bagi-Nya. Kemudian Allah SWT menceritakan tentang orang-orang yang musyrik (penyembah berhala) lalu mereka (musyrik) memberikan alasan bahawa mereka menyembah berhala adalah kerana mereka membuatnya dalam bentuk Malaikat *Muqarrabin* lalu disembah patung tersebut sebagai ganti ibadah mereka kepada malaikat agar malaikat memberikan syafaat kepada mereka di sisi Allah SWT juga untuk menolong memberikan rezeki dan perkara yang mereka perlukan untuk urusan dunia. Sedangkan kepada hari akhirat mereka mengingkari dan mengkufurinya.

Seperti mana dijelaskan oleh Yusuf al-Qaradhawi (2016:30) perkara yang haram hukumnya adalah tetap haram walaupun niat pelaku adalah suci. Hal ini kerana, Islam tidak membenarkan sesuatu yang haram itu dijadikan wasilah kepada tujuan yang mulia. Islam sangat menekankan kemurnian matlamat dan cara mencapai matlamat tersebut dan syariat Islam tidak menerima prinsip matlamat menghalalkan cara kerana orang Islam wajib mencari kebenaran melalui jalan yang benar. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai sekalian Rasul, makanlah yang baik-baik dan buatlah amalan yang baik. sesungguhnya Aku begitu mengetahui apa yang kamu lakukan.” (al-Mu'minin, 23:51)

“Wahai orang-orang yang beriman, makanlah makanan yang baik yang sudah Kami kurniakan kepada kamu.” (al-Baqarat, 2:172)

Juga hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Baginda menyebut tentang seseorang lelaki yang sedang bermusafir menempuh perjalanan yang cukup jauh. Kusut masai pakaiannya, berdebu tubuh badanya (dia bermusafir mengerjakan haji dan umrah). Dia mengangkat tangannya ke langit dan beroda. “wahai Tuhanku, wahai Tuhanku...” sedangkan makanannya adalah daripada sumber yang haram. Minumannya adalah daripada sumber yang haram. Pakaiannya adalah daripada sumber yang haram. Dia juga diberikan makan daripada sumber yang haram. Bagaimanakah doanya akan diperkenankan oleh Tuhan?” (Riwayat Muslim, no. Hadith:1686)

Berdasarkan Tafsir Ibnu Kathir (2004) kedua-dua surah di atas digabungkan dalam hadith Rasulullah SAW yang bermaksud: Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Allah itu baik, tidak menerima kecuali yang baik. Dan sesungguhnya Allah memerintahkan kepada orang mukmin apa yang diperintahkan juga kepada para Rasul, di mana Allah SWT berfirman dalam (Surah *al-Mu'minun*, 23:51) dan (Surah *al-Baqarah*, 2:172). Kemudian baginda menceritakan kisah perjalanan seorang pemuda seperti dalam hadith riwayat Muslim bernombor 1686.

Oleh itu, apabila tingkah laku pekerja dilakukan mengikut syariat maka perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan syariat seperti rasuah dan pecah amanah tidak akan berlaku.

Kesimpulan

Niat merupakan asas utama dalam tingkah laku Muslim kerana niatlah yang menentukan balasan yang diterima dan niatlah juga yang menentukan matlamat yang hendak dicapai manusia dalam kehidupan termasuklah dalam pekerjaan. Niat yang terbentuk melalui acuan tauhid akan mewujudkan rasa ihsan dan menjadikan setiap perbuatan manusia adalah ikhlas. Hasil daripada rasa ihsan yang mewujudkan keikhlasan akhirnya akan memastikan setiap perbuatan manusia itu dilakukan mengikut syariat sekali gus menghalang berlakunya isu salah laku dalam institusi. Oleh itu, dengan niat yang betul ia dapat memberi implikasi kepada pekerja dalam melakukan kerja yang diamanahkan mengikut syariat yang telah ditetapkan.

Rujukan

- Abdullah Qari Salleh. (1988). *Kedudukan niat dan ikhlas dalam Islam*. Kelantan: Pustaka Asa.
 Ali Abdul Halim Mahmud. (2011). *Mencari hakikat dan dasar ikhlas*. Abdullah Qari Salleh (Terj.). Kuala Lumpur: PTS.

- H. Malidin Maarif. (1970). *Iman dan Ihsan*. Jakarta: Ditjen Bimas Islam, Direktorat Penerangan Agama.
 Haron Din. (2007). *Islam: Ibadah pembina tamadun manusia*. Selangor: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
 Ibnu Hajar al-Asqalani. (2002). *Fathul Baari syarah shahih bukhari* (Gazirah Abdi Ummah Terj.). Jakarta: Pustaka Azam.
 Ibn Kathir. (2004). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim: Al-a'ruf bi Tafsir Ibn Kathir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
 Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz, Ahmad Irdha Mokhtar, & Zulkefli Aini. (2015). *Ihsan dalam pengurusan organisasi Islam*. Dlm. *Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah* (Vol. 7, hal. 1–12). Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
 Mohd Akhir Yaacob. (1987). *Ikhlas dalam amalan*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
 Muhammad Ramadhan. (2014). *Ikhlas kerana Allah SWT semata-mata menjaga amal kebaikan agar tidak musnah*. Dayang Nor Azizah Azmi (terj.). Kuala Lumpur: Sinergi Media.
 Nik Azis Nik Pa. (2007). *Harapan dan cabaran dalam pembangunan manusia*. Dlm. *Pembangunan insan: Aspirasi dan realiti*. Kajang: Kolej Dar al-Hikmah.
 Nik Mustapha Nik Hasan. (1992). Nik Mustapha Nik Hasan. (1996). *Consumer behavior theory from Islamic perspective*. *IKIM Journal*, 4(1), 49-62.
 Ramanathan, K. (2002). *Konsep asas pentadbiran awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan sains sosial*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributions.
 Sidek Baba. (2012). *Pengurusan Islami: Aplikasi ihsan dan insan*. Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading Sdn Bhd.
 Syed Ahmad Semait. (1994). *Kuliah Subuh dalam membicarakan Hadis 40*. Singapura: Pustaka Nasional.
 Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1978). *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
 Umar Sulaiman. (2006). *Fiqh Niat*. Jakarta: Gema Insani.
 Umar Sulaiman. (2001). *Rahsia niat dalam ibadah, kelebihan dan kepentingan niat*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
 Yusof al-Qardhawi. (2004). *Niat dan ikhlas*. Pustaka Al-Kautsar.
 Yusof al-Qardhawi. (2016:30) *Halal dan Haram dalam Islam*. Kuala PTS.

Yusuf al-Qardhawi. (2015). *Ikhlas dan tawakal: Ilmu suluk menurut al-Qur'an dan as-sunnah*. Indonesia: Istanbul